



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**10 JANUARI 2019 (KHAMIS)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- 19 kes denggi sejak Disember

22



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>10 JANUARI 2019 (KHAMIS)</b>	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	19 kes denggi sejak Disember
Muka Surat	22

# 19 kes denggi sejak Disember

54 10/1/19 M/S 22

**Gotong-royong basmi lokasi pembiakan aedes dianjurkan di Taman Bukit Teratai**

**AHMAD ISMADI ISMAIL**

**PANDAN INDAH**

**K**awasan Taman Bukit Teratai mencatatkan sebanyak 19 kes denggi yang dilaporkan sejak Disember lalu.

Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Mohamad Samat, berkata pihaknya memandang serius statistik yang dilaporkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat itu.

"Saya dimaklumkan terdapat satu 'hotspot' kes denggi iaitu di Jalan 1/1 hingga Jalan 1/7 Taman Bukit Teratai. "Kes terbaru Jalan 1/8 Taman Bukit Teratai turut dikenal pasti sebagai lokaliti wabak denggi dengan tujuh kes dilaporkan di kawasan itu," katanya.

Mohamad berkata, MPAJ bekerjasama dengan Projek Lintasan Kota Holdings Sdn. Bhd. (Prolintas) untuk mengadakan gotong-royong bagi membasmi lokasi pembiakan nyamuk aedes.

"MPAJ juga melantik kontraktor untuk melaksanakan kawalan semburan berjadual dan 'search and destroy' semua lokasi pembiakan nyamuk," katanya.

Beliau berkata, masyarakat juga digesa untuk melakukan pemeriksaan di rumah masing-masing serta membasmi tempat yang berpotensi menjadi pembiakan nyamuk.

"Masyarakat perlu meluangkan masa kira-kira 20 minit untuk melihat sekeliling rumah, musnahkan segera jika menjumpai tempat pembiakan nyamuk," katanya.

Mohamad berkata, tindakan tegas mungkin akan dilaksanakan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat dalam tempoh terdekat.

"Saya dimaklumkan kompaun sebanyak RM500 mengikut Akta Serangga bakal dikenakan bagi setiap 'hotspot' yang dikenal pasti sebagai tempat pembiakan aedes.

"Apabila pihak berkenaan mendapati wujudnya tempat pembiakan aedes dan habitat jentik-jentik, kompaun akan dikenakan kepada syarikat atau pemilik kediaman," katanya.

**info**

Jalan 1/1 hingga Jalan 1/7 Taman dan Jalan 1/8 antara 'hotspot' yang dikenal pasti



Mohamad (dua, kanan) memberi penerangan mengenai isu denggi yang mencatatkan peningkatan kepada penduduk Taman Bukit Teratai.